

FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Apabila jerebu melanda negara sejak Jun lalu, kekhawatiran paling memuncak tentu dari sudut kesihatan yang dilihat aspek paling mudah terjejas.

Kebimbangan terhadap Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang tidak konsisten juga secara tidak langsung menyebabkan urusan seharian terganggu termasuk sesi persekolahan yang terpaksa ditunda kerana sekolah ditutup.

Pelajar tentunya menjadi kelompok utama diberi pelepasan bagi menghindari risiko kesihatan akibat jerebu.

Walaupun sekolah hanya ditutup sehari dua dan tidak menjejaskan sesi pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang boleh diganti semula, ia tetap meninggalkan kesan psikologi.

Pengarah Pusat Penyelidikan merangkap pensyarah kanan kaunseling Fakulti Keperawatan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Profesor Madya Datin Dr Sapora Sipon berkata, sekolah perlu ditutup bagi mengelak pihak lain dipersalahkan andai berlaku insiden tidak diingini terhadap pelajar akibat masalah jerebu.

Menurutnya, dari segi psikologi, masalah itu boleh dijadikan penyebab untuk menyalahkan pihak lain, sekali gus menimbulkan konflik di luar kawalan.

"Tindakan menutup sekolah perlu dilihat dalam konteks lebih luas, bukan soal kesihatan semata-mata.

"Misalnya, membantu pihak berkepentingan mengelakkan konflik lebih besar andai terjadi sesuatu terhadap pelajar terutama mereka yang sudah sedia ada menghadapi masalah kesihatan.

"Bagi mengelak konflik atau keadaan di luar jangkaan, penutupan sekolah langkah terbaik biarpun pada masa sama ia boleh memberi kesan psikologi kepada pelajar dan guru, khususnya," katanya.

Fenomena jerebu terjadi jika zarah, debu dan asap berkumpul pada hari kering dengan zarah kecil berkumpul di paras rendah atmosfera dan akan mengaburi pandangan dan mungkin menyebabkan



PELAJAR yang bakal menghadapi peperiksaan utama antara golongan yang dibimbangi terkesan secara psikologi apabila sekolah ditutup akibat jerebu. - Gambar hiasan.

IMPAK PENUTUPAN SEKOLAH

Walaupun hanya sehari dua, ia tetap memberi kesan psikologi terhadap pelajar

masalah pernafasan. Jerebu tebal juga dikenali sebagai asbut (sejenis pencemaran udara berat).

Jerebu juga terhasil daripada tindak balas kimia kompleks seperti gas sulfur dioksida yang dikeluarkan ketika pembakaran ditukarkan kepada titisan seni asid sulfurik.

Dr Sapora berkata, dilihat dari sudut biasa, penutupan sementara sekolah tidak memberi impak besar, namun ia masih mampu memberi kesan psikologi kepada pihak berkaitan seperti tergendalanya perancangan atau jadual yang sudah diatur sekolah sepanjang tahun.

"Katanya, walaupun penutupan itu sekejap dan dilakukan untuk menjaga kesihatan, ia boleh merencatkan susun atur perancangan membabitkan P&P.

"Dalam konteks mudah, perancangan yang diatur akan tergendala seketika disebabkan arahan cuti akibat jerebu.

"Walaupun hanya sehari dua, ia boleh menjejaskan proses P&P, apatah lagi apabila guru terpaksa menggantikan sesi tertangguh itu untuk mengejar silibus," katanya.



WALAUPUN sekolah dibuka semula, langkah pencegahan perlu dilakukan bagi mengelakkan pelajar menjadi mangsa jerebu. - Gambar hiasan.

Menurut beliau, kesan penangguhan itu boleh mewujudkan sedikit tekanan dari sudut psikologi pelajar terutama mereka yang bakal menghadapi peperiksaan utama.

"Apabila Kementerian Pendidikan memberi arahan penutupan sekolah, ia sangat menggembirakan pelajar kerana mereka dibenarkan cuti secara tiba-tiba. "Bagi pelajar yang tidak

menduduki peperiksaan besar, kesannya tidak ketara kerana sesi P&P masih boleh disusun semula.

"Bagaimanapun, bagi yang sedang menunggu saat untuk menjalani peperiksaan seperti Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), ia boleh menyebabkan sedikit tekanan.

mereka mengulang kaji di sekolah bersama guru atau rakan hingga memberi tekanan psikologi kepada pelajar terbabit," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kesan psikologi tetap bergantung kepada definisi pelajar itu sendiri selain didorong faktor lain seperti ibu bapa, persekitaran dan sebagainya.



“Walaupun hanya sehari dua, ia boleh menjejaskan proses P&P, apatah lagi apabila guru terpaksa menggantikan sesi tertangguh itu untuk mengejar silibus”

DR SAPORA SIPON

kepada dua kategori iaitu pelajar yang sudah bersedia dan belum bersedia.

"Bagi yang sudah membuat persiapan awal, mereka tidak akan terjejas dan penutupan sekolah sehari



PELAJAR yang melakukan persiapan awal kurang berdepan tekanan akibat penangguhan sesi persekolahan. - Gambar hiasan.

SEKOLAH



MASALAH kesihatan aspek utama diberi perhatian bagi mengelak perkara luar jangkaan. - Gambar hiasan.



PENUTUPAN sekolah mungkin tidak memberi kesan besar, tapi masih boleh mengganggu proses P&P serta susunan jadual yang dibuat untuk sepanjang tahun. - Gambar hiasan.

dua langsung tidak memberi impak terhadap perseidiaan yang dibuat.

"Malah, ia boleh dianggap sebagai cara mereka meredakan seketika tekanan.

"Bagaimanapun, bagi pelajar yang belum bersedia atau gemar melakukan tugas pada saat-saat akhir, mereka akan terkesan walaupun tidak ketara," katanya.

Dari segi psikologi, katanya, pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan akan mengalami konflik diri dan mudah terkejut walaupun mungkin mereka tidak menonjolkan kegelisahan.

"Pelajar terbabit, jika boleh, tidak perlu diganggu dengan kejutan kerana ia boleh menjejaskan fokus mereka.

"Biarpun masalah jerebu di luar kawalan, tidak

Info
Penutupan sekolah tidak dilakukan di seluruh negara secara serentak dan hanya mengikut lokasi yang mencapai IPU berbahaya.

dinafikan ia boleh mengganggu tumpuan pembelajaran," katanya.

Dr Sapora berkata, ada pihak beranggapan jerebu hanya masalah kecil dan cuti boleh dimanfaatkan sepenuhnya, namun bagi pelajar khususnya di peringkat rendah yang daya ketahanannya belum stabil, masalah ini boleh menjadi serius.

"Misalnya, pelajar yang menghidap lelah. Mungkin punca sakit bukan kerana jerebu, tapi disebabkan ia berlaku pada waktu fe-

nomena itu, masyarakat akan meletakkan kesalahan padanya.

"Ia boleh mencetuskan masalah lain pula yang mengundang pelbagai reaksi. Bagi mengelakkannya berlaku, lokasi sekolah yang tahap IPU berbahaya perlu ditutup," katanya.

Kepada ibu bapa, beliau menasihatkan agar sentiasa memantau pergerakan dan tahap kesihatan anak mereka supaya langkah pencegahan boleh diambil.

"Ada ibu bapa beranggapan cuti itu cuma suka-suka, sekali gus membiarkan anak mereka bermain di luar rumah.

"Tindakan itu salah kerana cuti bertujuan menjaga keselamatan pelajar daripada bahaya jerebu.

"Walaupun cuti, seharusnya aspek keselamatan, kesihatan dan proses pembelajaran dimanfaatkan dengan baik," katanya.



IBU bapa perlu prihatin dan mendidik anak mereka mengenai bahaya jerebu. - Gambar hiasan.